

Ruj. Kami : UMS/PEND2.1/100-16/1/1
Tarikh : 4 Mac 2019

SEMUA KAKITANGAN UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

YBhg. Datuk/Prof./Dr./Tuan/Puan,

JEMPUTAN MENGHADIRI MAJLIS AMANAT NAIB CANSOLOR UMS 2019

Dengan segala hormatnya, izinkan saya merujuk kepada perkara yang tersebut di atas.

2. Sukacita dimaklumkan Universiti Malaysia Sabah akan mengadakan Majlis Amanat Naib Cansolor UMS 2019 pada ketetapan seperti berikut:

Tarikh : 15 Mac 2019 (Jumaat)
Masa : 7.30 Pagi
Tempat : Dewan Cansolor, UMS

3. Sehubungan itu, YBhg. Datuk/Prof./Dr./Tuan/Puan dijemput hadir ke majlis tersebut. Bagi kakitangan Kampus Antarabangsa Labuan (KAL), Fakulti Pertanian Lestari (FPL) dan Kampus Sikuati, Kudat, majlis tersebut boleh diikuti menerusi laman rasmi Facebook (FB) Universiti Malaysia Sabah (UMS Official) di pautan <https://www.facebook.com/172269919517500>.

4. Untuk makluman YBhg. Datuk/Prof./Dr./Tuan/Puan, kehadiran ke Majlis ini akan menggunakan sistem Smart-Hadir (hanya kepada pengguna telefon pintar Android). Maklumat dan aplikasi tersebut boleh dimuat turun di <http://bit.ly/smart-hadir>. Namun begitu kaunter pendaftaran juga akan dibuka seperti biasa pada hari tersebut. Bersama ini dilampirkan atur cara majlis untuk rujukan dan tindakan selanjutnya YBhg. Datuk/Prof./Dr./Tuan/Puan.

Segala perhatian dan kerjasama YBhg. Datuk/Prof./Dr./Tuan/Puan dalam perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Yang ikhlas,



VINA ZAHRIANI YUSOF
Pendaftar

- s.k
- YBhg. Datuk Naib Cansolor
 - Pengerusi Jawankuasa Pelaksana Majlis Amanat Naib Cansolor 2019
 - Ketua, Bahagian Sumber Manusia
(Ketua JK Jemputan dan Pendaftaran Majlis Amanat Naib Cansolor 2019)